

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**

**TARIKH: 16 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pelan keselamatan sosial (*social security*) untuk pemandu teksi. Apakah cadangan yang dikemukakan oleh pakar rujuk dalam kajian mengenai projek ini. Apakah masalah yang dihadapi oleh Kementerian untuk melaksanakan program ini.

PR-1331-L66211

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan memang berhasrat untuk memperluaskan liputan keselamatan sosial kepada pemandu teksi khususnya yang bekerja sendiri. Dalam hubungan ini, suatu kajian telah dijalankan oleh

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia.

2. Hasil kajian tersebut mendapati pemandu teksi mempunyai risiko kebarangkalian yang tinggi terhadap kemalangan jalan raya, penyakit yang terbit daripada pekerjaannya, keuzuran berkekalan, sakit atau kematian. Berikutan itu, adalah dicadangkan supaya Skim Bencana Kerja sahaja dipanjangkan kepada pemandu teksi di peringkat awal pelaksanaan perluasan liputan keselamatan sosial ini.

3. Skop perlindungan yang dicadangkan adalah bersifat pilihan atau sukarela. Walau bagaimanapun, apabila pemandu teksi yang berkenaan secara sukarela telah mendaftar dengan PERKESO, maka dia wajib menjelaskan caruman untuk mendapatkan perlindungan. Caruman yang dicadangkan adalah berbentuk pra-bayar pada kadar 1.25% sebulan daripada jumlah pendapatan pemandu teksi tersebut.

4. Dari segi pelaksanaannya kelak, PERKESO akan menggubal suatu undang-undang baharu untuk mentadbir skim ini memandangkan golongan pemandu teksi yang bekerja sendiri ini tidak mempunyai majikan dan tidak boleh diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 57**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peratusan kemalangan di jalan raya dan lebuh raya yang disebabkan oleh kenderaan berat yang menggunakan tayar celup (*retread*) dan adakah perlu penggunaan tayar celup ini diharamkan terus penggunaannya oleh kenderaan berat (lori).

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya Malaysia Tahun 2013 yang diterbitkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), kemalangan jalan raya yang berpunca daripada masalah tayar celup adalah sebanyak 8 kes dengan peratusan 0.03%. Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengharamkan penggunaan tayar celup memandangkan ianya selamat digunakan berdasarkan piawaian/standard yang ditetapkan. Piawaian/standard tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *Malaysian Standard (MS) 224 : Specification for Retreading of Pneumatic Rubber Tyres for Passenger Car and Commercial Vehicle;*
- (ii) *Peraturan United Nation R108 (Retreaded Pneumatic Tyres); dan*
- (iii) *Peraturan United Nation R109 (Retreaded Pneumatic Tyres for Commercial Vehicles).*

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kajian ilmiah di peringkat antarabangsa, tayar celup selamat digunakan oleh semua kenderaan kerana ia setanding dengan tayar pneumatik baru. Tambahan pula, kajian mendapati tayar celup dapat menjimatkan kos pembuatan tayar sebanyak 30% berbanding pembuatan tayar pneumatik baru. Selain itu, penggunaan tayar celup juga dapat

membantu mengurangkan jumlah tayar terpakai dengan memulihkan tayar terpakai tersebut menjadi tayar celup sekaligus menyumbang kepada peningkatan pengguna mesra alam.

Tuan yang di-Pertua,

Isu serpihan tayar celup yang tertinggal di jalan-jalan raya adalah berpunca daripada kaedah penggunaan dan penyelenggaraan tayar yang tidak dilakukan secara baik dan teratur oleh pemilik atau pemandu lori berkenaan. Selain itu, pembawaan muatan secara berlebihan (*overloading*) juga boleh menyebabkan berlaku kerosakan terhadap tayar tersebut. Sehubungan itu, aktiviti penguatkuasaan *overloading* sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi menangani masalah ini selain pemilik atau pemandu lori dinasihati untuk mengoperasikan dan menyelenggarakan tayar tersebut secara teratur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 MAC 2015  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**SOALAN :-**

Y.B. Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan implikasi pelaksanaan pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan kepada rakyat sekiranya ia diadakan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya pilihan raya kerajaan tempatan diadakan maka tumpuan Datuk Bandar/ Yang Dipertua (YDP) serta Ahli Majlis akan lebih menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan urusan pilihan raya. Urusan ini bukan sahaja melibatkan masa dan kos malah tenaga kerja di samping kemungkinan wujudnya unsur-unsur kurang sihat oleh pihak-pihak tertentu yang berteraskan kepentingan masing-masing. Kepimpinan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sentiasa berubah-ubah juga akan menjejaskan kelancaran pelaksanaan dasar dan program penambahbaikan yang telah digubal di peringkat pusat yang akhirnya memberi kesan negatif kepada rakyat. Di samping itu juga, tempoh perkhidmatan yang singkat akan menyebabkan Ahli Majlis yang dipilih lebih menumpukan perhatian kepada usaha untuk mengekalkan kedudukan masing-masing dan seterusnya mengabaikan tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya mereka laksanakan.

### **Kepentingan Penduduk Yang Diwakili**

Dengan mengambil kira komposisi kaum yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar adalah dikhuatiri pilihan raya kerajaan tempatan akan menyebabkan pengurusan PBT mempunyai Ahli Majlis yang dipilih melalui pilihan raya hanya mewakili kepentingan sesuatu kaum sahaja. Sebagai contohnya, bandar-bandar seperti George Town, Petaling Jaya, Subang Jaya, Kuching dan Ipoh mempunyai majoriti kaum Cina manakala bandar-bandar seperti Alor Star, Kuala Terengganu dan Kota Bharu mempunyai majoriti kaum Melayu. Keadaan ini akan menyebabkan pengurusan PBT bandar-bandar tersebut akan diterajui oleh kaum-kaum tertentu sahaja. Bagi kawasan luar bandar pula, majoriti penduduknya adalah kaum Melayu. Keadaan ini jika dibiarkan wujud akan melebarkan lagi jurang perbezaan perpaduan antara kaum yang sudah pasti akan memberi impak besar kepada keharmonian antara kaum dan kestabilan negara.

### **Kos Pilihan Raya**

Jika pilihan raya kerajaan tempatan hendak dijalankan semula maka Kerajaan perlu mengadakan 3 pilihan raya, iaitu Parlimen, DUN dan juga Kerajaan Tempatan. Pilihanraya Parlimen dan DUN yang telah diadakan



pada 8 Mac 2008 melibatkan perbelanjaan sebanyak RM142,317,172. Oleh itu, kos yang perlu disediakan bagi mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan akan meningkatkan lagi kos pengurusan pilihan raya sedangkan peruntukan tersebut boleh digunakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat. Selain itu, kos-kos tidak langsung bagi mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan akan membebankan PBT yang kecil, khususnya yang mengalami defisit perbelanjaan.

### **Penyertaan Penduduk**

Meskipun pilihan raya kerajaan tempatan diamalkan di beberapa negara luar, namun dari segi bilangan pengundi ataupun *turn out* yang datang mengundi adalah sedikit. Dengan mengambil kira *turn out* yang rendah tersebut, keputusan pilihan raya kerajaan tempatan berkenaan tidak menggambarkan kehendak sebenar penduduk setempat. Keadaan yang sama boleh berlaku di negara ini dan oleh itu pilihan raya kerajaan tempatan yang dicadangkan atas alasan untuk memberi peluang kepada penduduk setempat untuk memilih wakil mereka dalam PBT tidak akan tercapai. Tambahan pula dengan kos yang tinggi dibandingkan dengan *turn out* yang rendah, maka pilihan raya kerajaan tempatan dilihat sebagai tidak sesuai ataupun tidak *viable* untuk diadakan.

Selain itu, terdapat juga negara seperti Australia melantik *Chief Executive Officer* (CEO) di kalangan kakitangan PBT yang tugasnya adalah memberikan khidmat nasihat, mengurus sumber manusia dan hasil serta memastikan polisi PBT dilaksanakan dengan betul. Sekiranya pilihan raya kerajaan tempatan dan pelantikan CEO diadakan di negara ini, maka peranan Datuk Bandar / YDP dan Ahli Majlis yang dipilih melalui pilihan raya perlu ditentukan.

### **Kewujudan Sistem Kerajaan Tempatan Yang Berbeza**

Oleh kerana PBT di negeri Sabah dan Sarawak tidak tertakluk kepada Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960, maka undang-undang bagi membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan di kedua-dua negeri berkenaan juga perlu diwujudkan. Sebaliknya jika kedua-dua negeri berkenaan tidak bersetuju untuk mengadakan pilihan raya tersebut, maka akan wujud dua sistem kerajaan tempatan yang berbeza di negara ini. Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan jurang perbezaan yang ketara antara PBT di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak dari segi pelaksanaan dasar, program dan projek yang berkaitan dengan PBT. Ini sekaligus akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang antara wilayah bagi memastikan tiada penduduk yang ketinggalan dalam arus pembangunan negara.